

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**  
**TARIKH : 10.6.2014**  
**NO. SOALAN :**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan memberi jaminan bahawa pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia akan berjaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan perancangan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 akan membuahkan hasil yang dihasratkan. Untuk itu, Kerajaan telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) khusus bagi memantau pelaksanaan PPPM. Kerajaan juga komited untuk memastikan kejayaan PPPM dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM 500 juta bagi membiayai inisiatif yang telah dirancang sepanjang tempoh pelaksanaan dari tahun 2013-2015.